

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 23 Ogos 2021 11:52
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: BANTU CAPAI IMUNITI KELOMPOK, SUKARELAWAN LALUI PENGALAMAN BARU



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

23 OGOS 2021 / 14 MUHARAM 1443H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

BANTU CAPAI IMUNITI KELOMPOK, SUKARELAWAN LALUI PENGALAMAN BARU



UUM ONLINE: Pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) 'Outreach' Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Universiti Utara Malaysia (UUM) dilihat berupaya melancarkan proses vaksinasi dan membantu negara mencapai imuniti kelompok dengan lebih pantas.

Pengarah Pusat Kesihatan Universiti, Dr. Adi Azhar Abdul Razak berkata, pandemik Covid-19 telah mengubah kehidupan semua orang sejak tercetusnya virus itu pada tahun lalu.

Justeru katanya, PPV 'Outreach' IPT UUM diwujudkan tepat pada masanya untuk melancarkan proses pemberian vaksin kepada rakyat selaras dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Menurutnya, inisiatif ini memberi peluang kepada penjawat awam dan penduduk sekitar daerah Kubang Pasu, khususnya untuk mendapatkan vaksin masing-masing pada tarikh yang telah ditetapkan.

"Kita mensasarkan 2,500 dos vaksin sehari diberikan kepada mereka yang mendapat tarikh temujanji di MySejahtera, justeru saya berharap penduduk di daerah ini termasuk warga UUM dapat mengemaskini MySejahtera masing-masing sebelum datang ke PPV ini.

"Saya juga bersyukur dan berterima kasih kepada semua petugas dan sukarelawan terlibat kerana melicinkan urusan di dalam dewan ini, malah memberikan komitmen tinggi sepanjang masa," katanya.

PPV 'Outreach' IPT UUM dijayakan bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Siti Sarah Ahmad Suki berkata, dia menjadi sukarelawan di PPV 'Outreach' IPT UUM kerana minat dengan aktiviti kemasyarakatan, selain ingin membantu memudahkan 'frontliners' menangani kes Covid-19 dengan memberikan vaksin kepada rakyat Malaysia dengan lebih pantas.

Menurutnya, dia ingin bersama-sama membantu rakyat di Kedah khususnya di Kubang Pasu seperti menyusun atur keadaan tempat dan proses pengambilan vaksin semasa di dalam PPV.

"Cabaran utama sebagai seorang sukarelawan dalam musim pandemik Covid-19 adalah risiko terdedah dengan jangkitan Covid-19. Oleh yang demikian, sukarelawan di PPV perlu lebih berjaga-jaga semasa melakukan tugas yang telah diberikan seperti memakai pelitup muka dan PPE yang telah disediakan," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.